

Antara pelajar pertama kini pelajar perubatan di UK

CIK Hafizah Mohamed Nor merupakan antara pelajar pertama yang memasuki Sekolah Tinggi NUS bagi Matematik dan Sains pada 2006 – setahun setelah sekolah itu ditubuhkan.

Beliau juga merupakan antara pelajar Melayu terbaik dalam keputusan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) 2005 dengan agregat 272.

Pada 2011 beliau lulus daripada Sekolah Tinggi NUS dengan kepujian, dengan markah purata 4.6 daripada markah penuh 5.

Kini, beliau mengikuti pengajian bidang perubatan di Universiti Newcastle di United Kingdom.

“Saya benar-benar seronok belajar di Sekolah Tinggi NUS kerana dahagakan ilmu. Lagipun, saya mempunyai guru yang pakar dalam bidang itu.

“Kami juga berpeluang melakukan pelbagai eksperimen yang rumit kerana kemudahan sekolah yang canggih,” ujarnya.

Beliau merupakan anak bongsu dalam dua beradik kepada penyelia, Encik Mohamed Nor Yahaya, dan suri rumah, Cik Kamilah Yahya.

Seperti ramai pelajar Sekolah Tinggi NUS lain, minat bekas murid Sekolah Rendah Jurong West itu dalam matematik dan sains mula berputik semasa beliau di sekolah rendah.

“Saya suka selesaikan masalah matematik dan selalu cabar diri untuk menyelesaikan masalah matematik yang lebih rumit,” ujarnya.

Jika gagal menyelesaikan sesuatu masalah matematik, Cik Hafizah akan mendapatkan bantuan dan memastikan beliau memahami huraian sebelum berpuas hati.

“Bagi sains pula, saya selalu ingin tahu mengenai pelbagai proses dalam kehidupan dan ini yang merangsang minat saya dalam sains hingga hari ini,” ujarnya.

Ditanya mengenai formula kejayaannya, Cik Hafizah berkata beliau tidak mempunyai formula kecuali motivasi menjadi seorang yang berguna yang dapat menyumbang kepada masyarakat.

“Saya ingin membantu orang yang kurang berna-sib baik dan meningkatkan mutu kehidupan mereka. Saya juga suka belajar tentang perkara baru dan ingin terus memburu ilmu,” ujarnya.



INGIN SUMBANG KEPADA MASYARAKAT: Cik Hafizah, bekas pelajar Sekolah Tinggi NUS, kini menyambung pengajian dalam bidang perubatan di Universiti Newcastle, United Kingdom. – Foto ihsan HAFIZAH MOHAMED NOR

Saya benar-benar seronok belajar di Sekolah Tinggi NUS kerana dahagakan ilmu. Lagipun, saya mempunyai guru yang pakar dalam bidang itu.”

– Cik Hafizah Mohamed Nor.
